



03 APR, 2026

## Fikirkan rantaian implikasi kelestarian tenaga elektrik negara

Berita Harian, Malaysia



**Minda  
Pengarang**



### Fikirkan rantaian implikasi kelestarian tenaga elektrik negara

Ada rasa lega dan syukur susulan jaminan Suruhanjaya Tenaga (ST) bahawa kira-kira 85 peratus isi rumah domestik tidak akan mengalami kesan besar terhadap bil elektrik susulan perubahan harga gas asli dan arang batu global.

Perubahan harga sumber tenaga asli ini gara-gara perang di antara Amerika Syarikat (AS) dan Israel terhadap Iran yang berlarutan lebih sebulan.

Realitinya, harga gas asli dan arang batu adalah faktor utama menentukan kos penjanaan elektrik negara. Apabila harga bahan api ini meningkat, tekanan terhadap sistem tenaga domestik turut bertambah.

Walaupun pengguna mungkin masih jauh untuk merasai impak kenaikan kos penjanaan elektrik, kita perlu bersedia jika berlaku perubahan tarif pada masa hadapan.

Benar kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menanggung obligasi sosial untuk menjaga kepentingan pengguna domestik, namun pengguna juga ada tanggungjawab untuk tidak terlalu selesa dengan tarif elektrik semasa.

Jaminan 85 peratus isi rumah tidak akan begitu terkesan seharusnya dilihat sebagai peluang untuk berjimat menggunakan tenaga elektrik.

ST dan TNB menyatakan pengguna digalakkan untuk memastikan penggunaan kekal dalam julat munasabah, khususnya di bawah 600 kilo watt sejam yang lazimnya berada pada tahap neutral.

Peranan TNB untuk mengekalkan Insentif Cekap Tenaga juga perlu dihargai sebagai langkah melindungi pengguna. Namun, dasar ini bukan penyelesaian mutlak.

Ia hanya memberikan kelegaan sementara atau memberi kelebihan kepada pengguna berdisiplin, sementara mereka yang menggunakan tenaga secara berlebihan tetap berdepan membayar kos lebih tinggi.

Justeru, berdepan dengan krisis geopolitik dan peperangan di Asia Barat yang masih membingungkan, pengguna tidak mempunyai alasan, selain mula mengamalkan budaya berjimat menggunakan elektrik.

Fikirkan rantaian implikasi bukan sahaja terhadap kelestarian tenaga elektrik dinikmati sekarang, bahkan mungkin kos bakal ditanggung jika perang berlarutan dan sumber menjana elektrik terjejas.

Perubahan iklim dan fenomena cuaca panas sedang melanda negara ketika ini dijangka berterusan hingga awal Jun susulan keadaan atmosfera lebih kering dan taburan hujan rendah menuntut kita sebagai pengguna menjadi lebih jimat dan berhemat menggunakan tenaga elektrik.

Setiap penjimatan kecil pada peringkat isi rumah pasti membantu mengurangkan tekanan keseluruhan terhadap permintaan tenaga negara.

Lebih penting, sikap berjimat ini akan membantu meningkatkan daya tahan kita sebagai pengguna menghadapi ketidakpastian ekonomi global.

Dalam situasi yang mana harga tenaga boleh berubah akibat faktor luaran, pengguna juga boleh berperanan menjadi benteng pertama untuk mengekalkan kestabilan kewangan isi rumah.

Ketika kita masih beruntung dapat menikmati subsidi petrol RON95, usah membebankan lagi kehidupan dengan penggunaan elektrik yang boleh menjadi punca kenaikan kos sara hidup.